



GARIS PANDUAN KETERLIBATAN PEKERJA / PEMBANTU DI PUSAT PENJAJA MBSP, PREMIS PERNIAGAAN DAN PENJAJA

Versi 1 : Diluluskan oleh Majlis Penuh Ke-515 (05/2017) pada 29 Mei 2017

Versi Terkini : Diluluskan oleh Majlis Penuh Ke-553 (07/2020) pada 28 Julai 2020

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0	Tujuan	3
2.0	Latar Belakang	3
3.0	Undang-Undang Yang Dikuatkuasakan Oleh MPSP	3
4.0	Garis Panduan Keterlibatan Pekerja / Pembantu Dalam Perniagaan Di Kawasan	4
5.0	Tindakan Penguatkuasaan	5

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada peniaga-peniaga di pusat penjaja MBSP, premis perniagaan dan penjaja berhubung pengambilan pekerja/pembantu dengan memenuhi peraturan dan kehendak yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

2.0 LATAR BELAKANG

Persekitaran perniagaan dalaman sesebuah organisasi perniagaan terdiri daripada elemen-elemen perniagaan asas seperti pemilik perniagaan, pelabur, pekerja, pengguna dan pembekal. Elemen-elemen ini berinteraksi dan mempunyai hubungan langsung dalam pembentukan polisi, prosedur-prosedur dan sistem sesebuah organisasi perniagaan.

Pekerja merupakan sumber manusia yang penting dalam sesebuah organisasi perniagaan. Pekerja terlibat secara langsung dalam operasi perniagaan. Namun begitu, penglibatan pekerja yang berstatus warga asing akan memberi kesan terhadap persekitaran masyarakat yang akhirnya akan menyumbang kepada aspek sosial umumnya.

Oleh itu, garis panduan ini akan memberikan penerangan dan penjelasan lanjut berkaitan dasar yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh MBSP berhubung pengambilan pekerja / pembantu dalam perniagaan yang beroperasi di kawasan Seberang Perai.

3.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN OLEH MPSP

Antara undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MPSP adalah seperti berikut

- ❖ Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ❖ Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
- ❖ Undang-Undang Kecil Iklan, Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001

4.0 GARIS PANDUAN KETERLIBATAN PEKERJA / PEMBANTU DALAM PERNIAGAAN DI KAWASAN

4.1 Pusat Penjaja MBSP

- i. Membenarkan pengambilan pembantu atau pasangan berstatus bukan warganegara / pemastautin tetap (PR) tertakluk kepada syarat berikut :
 - a) Pengambilan pembantu atau pasangan berstatus bukan warganegara / pemastautin tetap (PR) hendaklah mematuhi semua keperluan dan dokumen yang ditetapkan oleh Undang-Undang Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi melakukan pekerjaan.
 - b) Pembantu atau pasangan berstatus bukan warganegara / pemastautin tetap (PR) hendaklah mematuhi syarat dan keperluan Jabatan Kesihatan Malaysia iaitu suntikan TAB dan kehadiran ke Kursus Asas Pengendalian Makanan (jika berkaitan perniagaan makanan) .
- ii. Dilarang mengambil pekerja / pembantu bukan warganegara sebagai tukang masak di pusat penjaja MBSP.
- iii. Lesen perniagaan (lesen penjaja) tidak dikeluarkan kepada peniaga bukan warganegara.
- iv. Hanya membenarkan bukan warganegara yang berkahwin dengan warganegara Malaysia sebagai pekerja/pembantu di pasar malam, pasar tani, pasar harian dan uptown.

4.2 Premis Perniagaan

- i. **Kedai Runcit – Aktiviti perniagaan di sebuah atau beberapa buah premis tetap atau sementara yang menjalankan jualan secara runcit barangan seperti berikut :**
 - Keperluan harian / dapur
 - Barangan basah / mentah
 - Makanan dan minuman berbungkus
 - Pelbagai barangan keperluan rumah

Tidak termasuk pasaraya besar, pasaraya atau perniagaan rangkaian (francais)

- a) Pengusaha perniagaan di kedai runcit hanya dibenarkan menggaji / mengupah pekerja / pembantu warganegara Malaysia sahaja. Menggaji / mengupah pekerja / pembantu bukan warganegara dan pemegang kad pengenalan sementara adalah tidak dibenarkan.
- b) Lesen premis dan iklan tidak dibenarkan dikeluarkan kepada pemohon berstatus bukan warganegara dan pemegang kad pengenalan sementara yang menjalankan aktiviti perniagaan kedai runcit di atas dengan status pendaftaran syarikat pemilikan tunggal (enterprise) dan sendirian berhad yang dimiliki 100 peratus warga asing. Syarikat yang berdaftar sebagai sendirian berhad hendaklah dimiliki sekurang-kurangnya 51 peratus oleh warganegara Malaysia.

- c) Tidak membenarkan sama sekali pasangan yang berstatus bukan warganegara / pemegang kad pengenalan sementara kepada individu warganegara Malaysia untuk membantu dan berada di premis perniagaan bagi pihak pasangannya. Adalah menjadi satu kesalahan jika pemegang lesen meninggalkan pasangannya yang berstatus bukan warganegara / pemegang kad pengenalan sementara bersendirian di premis perniagaan.

ii. Sektor-Sektor Lain

- a) Jumlah pembantu warganegara Malaysia yang berada di premis perniagaan mestilah sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah pekerja keseluruhan semasa premis beroperasi dan pemeriksaan dilakukan oleh MBSP. Syarat ini hanya terpakai kepada premis perniagaan yang mempunyai bilangan pekerja melebihi daripada dua (2) orang.
- b) Dasar ini melibatkan semua premis perniagaan swasta termasuk restoran dan premis perniagaan makanan laut.

4.3 Penjaja

- i. Tidak dibenarkan mengupah pembantu warganegara asing / pemastautin tetap (PR). Larangan ini adalah melibatkan semua penjaja pasar malam, uptown, pasar tani, pasar hari, pasar ramadhan, penjaja bergerak dan penjaja statik / trak makanan atau perkhidmatan.
- ii. Bagi penjaja yang menjalankan perniagaan di dalam kompleks penjaja makanan swasta, jumlah warganegara tempatan mestilah sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah pekerja keseluruhan semasa premis beroperasi dan pemeriksaan dilakukan oleh Majlis.
- iii. Pasangan berstatus warganegara asing / pemastautin tetap (PR) kepada pasangan warganegara tempatan yang diberikan lesen penjaja dibenarkan menjalankan perniagaan sebagai pembantu. Walau bagaimanapun, pemilik lesen warganegara tempatan perlu sentiasa berada bersama pasangan berstatus warganegara asing / pemastautin tetap (PR) ketika perniagaan dijalankan.
- iv. Pengesahan status perkahwinan perlu dilakukan melalui salinan surat nikah dan kad pengenalan diri.
- v. Bagi pemegang lesen warganegara tempatan yang telah meninggal dunia, pasangan kepada pemegang lesen yang berstatus warganegara asing / pemastautin tetap (PR) dibenarkan membuat pindaan nama pemegang lesen kepada nama pasangan tersebut (tertakluk kepada kes-kes tertentu). Dokumen berikut perlu disertakan sebagai bukti :
 - a) Salinan surat nikah yang disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - b) Salinan sijil kematian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

5.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

- 5.1 Sekiranya garis panduan ini tidak dipatuhi oleh pemilik perniagaan/ pemegang lesen, berikut adalah tindakan penguatkuasaan yang akan diambil oleh MBSP :
- i. Tindakan rampasan terhadap barang perniagaan milik penyewa gerai Majlis dan pemegang lesen untuk dijadikan sebagai eksibit kes pendakwaan di mahkamah jika gagal mematuhi pelaksanaan dasar.
 - ii. Tindakan penguatkuasaan rampasan secara terus terhadap barang niaga warga asing tanpa melibatkan pengeluaran notis amaran dan penyediaan perintah operasi serta kelulusan daripada Datuk Bandar MBSP.